

Headline **Saintis minta kaji syor guna petrol RON 95**  
Date **09. Apr 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **12**  
Section **Nasional** Article Size **45** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



# Saintis minta kaji syor guna petrol RON 95

Oleh Che Wan Badrul Alias

**K**UALA LUMPUR: Pakar alam sekitar dan saintis tempatan meminta kerajaan mengkaji semula cadangan penggunaan petrol RON 95 kerana ia mengandungi plumbum yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna dan mencemari alam sekitar.

Plumbum adalah sejenis logam be-

rat dan bersifat karsinogenik, iaitu boleh menyebabkan kanser kepada manusia selain masalah kesihatan lain seperti masalah pernafasan.

Pakar berpendapat pemberian lebih subsidi kepada petrol RON 95 akan menyebabkan lebih ramai memilih menggunakan petrol itu berbanding RON 99 yang lebih mahal walaupun kualitinya lebih baik.

Ketua Laboratori Putra Sains dan Teknologi Pemangkin (PutraCAT) Jabatan Kimia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap, berkata orang ramai pasti akan memilih RON 95 yang lebih murah walaupun maklum petrol ini mengandungi plumbum.

Ini, katanya, akan menyebabkan peningkatan paras plumbum di udara sekali gus memberi kesan buruk kepada rakyat.

"Selain itu, kebanyakan kereta di Malaysia hanya boleh menggunakan petrol tanpa plumbum dan kerosakan enjin boleh berlaku jika menggunakan petrol berplumbum," katanya ketika di hubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan kerajaan memansuhkan petrol RON 92 dan RON 97 untuk digantikan dengan petrol RON 95 dan RON 99.

**“Petrol RON 95 akan menyebabkan peningkatan paras plumbum di udara sekali gus memberi kesan buruk kepada rakyat”**

Prof Dr Taufiq Yap  
Ketua Laboratori Putra Sains dan Teknologi Pemangkin, UPM